

**Tuntutan Rakyat Kini Perlukan Kerajaan Yang Mampu Lakukan Transformasi –  
Muhyiddin  
Bernama  
17 Julai, 2012**

TAMPIN, 17 Julai (Bernama) -- Tuntutan rakyat yang kian berubah kini memerlukan kerajaan yang mampu melakukan transformasi dan memperkenalkan pelbagai program, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Rakyat kini mahu melihat siapa yang mampu menunaikan impian mereka, katanya, dan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dipimpin Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebaik mungkin memenuhi kehendak dan keperluan yang dituntut rakyat.

"Pemikiran rakyat pun sudah berubah, mereka mahukan hidup yang lebih baik, bagus, cantik dan sempurna. Jika tiada kerajaan seperti BN yang mampu menjelmakannya, ia mungkin tidak akan terjadi," katanya semasa berucap pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Indah, di sini.

Muhyiddin berkata semua perkara yang dibuat melalui dasar transformasi nasional ialah soal masa hadapan rakyat dan negara.

"Hanya kerajaan BN yang mempunyai perancangan teliti, baik dalam aspek pendidikan, ekonomi, kesihatan, infrastruktur, pengangkutan awam, kos sara hidup dan sebagainya semuanya dibuat dengan serius," katanya di hadapan lebih 5,000 yang hadir.

Muhyiddin berkata rakyat mahukan ruang yang lebih luas bagi membolehkan mereka mengamalkan hak bersuara melalui sistem demokrasi yang lebih segar.

Oleh kerana itu, kerajaan melakukan transformasi politik dan memansuhkan beberapa akta dan undang-undang yang tidak sesuai lagi seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Beliau menjelaskan kini terbukti apa yang dilakukan kerajaan BN, amat menyenangkan hati rakyat, malahan mereka boleh hidup dengan penuh bahagia tanpa ada perasaan bimbang.

Pada majlis itu Muhyiddin meluluskan peruntukan RM2 juta bagi melaksanakan pelbagai projek di kawasan parlimen Tampin.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681325>